

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 Jun 2004

SOALAN

YB TUAN HAJI FADILLAH BIN YUSOF (PETRA JAYA) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada golongan pondan atau mak nyah termasuk di bawah Kementerian beliau memandangkan golongan ini telah meningkat. Adakah apa-apa kajian dibuat terhadap mereka untuk mengelakkan terjadinya satu budaya sosial yang boleh membawa kesan negatif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Golongan pondan atau mak nyah merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dan memandangkan isu ini merupakan fenomena yang kompleks, ia perlu dilihat dari pelbagai aspek seperti agama, budaya, sosial, ekonomi dan politik. Buat masa ini, Kementerian sedang meneliti kertas kerja dan kajian-kajian yang pernah dijalankan untuk mendapatkan maklumat lanjut sebelum merangka dasar dan tindakan-tindakan yang perlu diambil. Dasar dan tindakan-tindakan ini akan dirangka dengan mengambil kira pendapat dan kepentingan semua pihak yang terbabit dan pelaksanaannya akan dibuat secara bersepadu.

MAKLUMAT TAMBAHAN Kertas kerja/kajian mengenai Mak Nyah yang pernah diteliti oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah seperti berikut:

A. Mak Nyah (Male Transexuals) in Malaysia: The Influence of Culture and Religion on their Identity: Oleh En. Yik Koon Teh - Sumber Rujukan: *The International Journal of Transgenderism*, Vol.5, Number 3, July-September 2001

Definisi

- **Transexuals** - Male Transexuals: lelaki yang berkeinginan menjadi wanita dalam semua aspek
- Female Transexuals: perempuan yang berkeinginan menjadi lelaki dalam semua aspek

Transexuals selalunya melibatkan penukaran jantina.

- **Transvestites** - Lelaki yang berpakaian seperti wanita (cross-dress) - Tidak melibatkan penukaran jantina

Bilangan Mak Nyah □ Dianggarkan terdapat seramai 10,000 Mak Nyah di negara ini, di mana 70-80% adalah Melayu.

Mak Nyah Dari Pandangan Islam □ Persidangan Raja-Raja pada tahun 1983 memutuskan supaya fatwa yang melarang pembedahan penukaran jantina dikenakan ke atas semua orang Islam, kecuali bagi mereka yang mempunyai dua alat kelamin (Khunsa Musykil) □ Kebanyakan golongan transeksual Islam tidak menukar jantina dan akur akan fatwa yang dikeluarkan ini. Walau bagaimanapun, mereka berpandangan bahawa mereka akan dapat menjalani kehidupan dengan lebih baik/sempurna lagi jika mereka dibenar menukar jantina □ Kebanyakan golongan transeksual Islam menghadapi masalah penerimaan oleh keluarga mereka berbanding dengan golongan transeksual bukan Islam

Kesimpulan Mak Nyah di Malaysia mempunyai ciri-ciri yang sama dengan golongan transeksual di negara-negara lain. Kajian menunjukkan bahawa fenomena transeksual tidak boleh dijelaskan sepenuhnya berdasarkan faktor sosial semata-mata. Ia merupakan fenomena yang kompleks yang memerlukan penjelasan dari pelbagai faktor termasuklah faktor biologi dan persekitaran.

B. Ulasan Sosial dan Kesihatan Transeksual oleh Khairuddin Yusof, Loh Wah Yun dan Wong Yui Lin (Universiti Malaya) - Kertas dibentangkan dalam "Seminar Mak Nyah" pada 24-25 Oktober 1987 di Universiti Malaya

Definisi

- **Transeksualisme** : Dari segi klinikal diistilahkan sebagai disforia jantina atau juga dikenali sebagai gangguan identiti jantina – jiwa perempuan yang terperangkap dalam tubuh lelaki (bagi transeksual lelaki) □ **Transvestisme** : Tidak berkeinginan menjadi perempuan, hanya mahu kelihatan seperti perempuan (berpakaian silang-cross-dress)

Transeksual Islam dan Amalan Agama

- Transeksual Islam tidak dapat menentukan pakaian yang perlu mereka pakai semasa bersembahyang. Mereka juga merasa tidak selesa untuk bersembahyang di masjid.

Sikap Masyarakat

- Masyarakat umumnya tidak dapat menerima golongan Transeksual.

Pekerjaan

- Golongan Transeksual agak sukar untuk mendapat pekerjaan di pejabat. Ini menyebabkan mereka terpaksa bekerja sebagai pelacur.

Kesimpulan

Transeksualisme ialah penyimpangan seks yang terdapat dalam semua budaya. Golongan ini mempunyai keinginan yang tinggi untuk menukar jantina. Mereka juga ingin diterima oleh masyarakat sebagai golongan yang normal dan tidak diabaikan.

